

# Sasterawan Negara terima elaun RM5,000 sebulan

➔ Tanda hargai usaha, dedikasi bina bahasa kebangsaan: Guan Eng

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

**K**erajaan bersetuju memberi elaun penghargaan bulanan berjumlah RM5,000 kepada tujuh Sasterawan Negara bermula bulan ini.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata peruntukan tambahan itu diluluskan kepada Kementerian Pendidikan untuk pembiayaan elaun kepada semua Sasterawan Negara terbabit, iaitu Datuk Seri Dr A Samad Said; Prof Emeritus Dr Muhammad Salleh; Datuk Noordin Hassan; Datuk Dr Mohd Anwar Rethwan; Datuk Dr Ahmad Khalid Abdullah; Datuk Dr Baharuddin Zainal dan Datuk Dr Zurinah Hassan.

"Pemberian elaun penghargaan seara bulanan ini adalah elaun tambahan baharu diberikan sebagai tanda penghargaan kepada usaha dan dedikasi mereka kepada membina bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan.

"Elaun ini diharap dapat membantu menjamin kebajikan, kesejahteraan dan memberi keselesaan kepada Sasterawan Negara supaya dapat terus menyumbang idea pemikiran, keilmuan dan sumbangan karya bermutu tinggi untuk tatapan masyarakat," katanya berucap pada Majlis Pe-



[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

**Guan Eng menyempai cek kepada A Samad** pada Majlis Penyerahan Cek Elaun Sara Hidup Kepada Sasterawan Negara di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir, Anwar dan Saifuddin.

nyerahan Cek Elaun Sara Hidup kepada Sasterawan Negara di Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim

**Penekanan sastera, bahasa** Guan Eng berkata, beliau juga berharap pemberian berkenaan dapat menjamin kesinambungan mutu hasil seni dengan cemerlang dan menunjukkan penekanan terhadap sastera serta bahasa daripada semua lapisan masyarakat.

Selain itu, beliau berkata, bayaran elaun kepada Sasterawan

Negara itu akan diteruskan untuk tahun berikutnya.

"Jika ada lagi pertambahan senarai Sasterawan Negara selepas ini, mereka juga akan mendapat elaun bulanan RM5,000 ini," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, selain memacu pertumbuhan negara, kerajaan dituntut memperkasa pelbagai bidang termasuk bahasa, sastera dan budaya.

**Subur sumbangan kepada negara**

Katanya, beliau berbangga terhadap inisiatif Kementerian Kewangan meluluskan elaun penghargaan bulanan RM5,000 kepada Sasterawan Negara.

"Apabila negara memberi-

kan pengiktirafan ini, ia satu penghargaan daripada kerajaan kepada sumbangan sasterawan.

"Bagaimanapun, tidak hanya cukup sekadar diberikan anugerah, jika tidak dipastikan anak dan rakyat menjadi khalayak yang membaca serta meminati karya mereka," katanya.

Bagi A Samad, pemberian itu diharap tidak akan mematahkan jasa sasterawan, sebaliknya terus menyuburkan sumbangan mereka kepada negara.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan dengan pemberian ini dan saya tahu Anwar sangat mengambil berat nasib sasterawan di negara ini," katanya.